

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 12

RUANGAN : COVID-19

covid-19

Manfaat melebihi risiko

WHO akan terus sarankan penggunaan vaksin AstraZeneca

Geneva

Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) kelmarin berkata, pihaknya akan terus mengesyorkan penggunaan vaksin Covid-19 AstraZeneca kerana manfaatnya melebihi risiko, lapor Sputnik.

"Pada masa ini, WHO menganggap manfaat vaksin AstraZeneca melebihi risiko dan mengesyorkan vaksinasi diteruskan," kata kenyataan itu.

WHO sentiasa berhubung dengan Agensi Ubat-Obatan Eropah dan pihak berkuasa di seluruh dunia untuk mendapatkan maklumat terkini mengenai keselamatan ubat-ubatan.

Jawatankuasa Penasihat Global WHO mengenai Keselamatan Vaksin dijangka akan mengumumkan keputusan mengenai keselamatan AstraZeneca pada Khamis.

WHO sentiasa berhubung dengan Agensi Ubat-Obatan dan pihak berkuasa seluruh dunia

Khairy individu pertama terima vaksin Sinovac

Rembau: Menteri Penyelaras Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan Khairy Jamaluddin menjadi individu pertama di negara ini menerima suntikan vaksin Covid-19 jenis Sinovac, semalam.

Khairy yang juga Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi itu menerima suntikan dos pertama vaksin keluaran China tersebut di Hospital Rembau pada 1.30 tengah hari.

Beliau tiba di hospital itu pada 1.25 tengah hari dan melalui tiga stesen di Pusat Pemberian Vaksin (PPV) sebelum disuntik dengan vak-

sin berkenaan oleh Ketua Penyelia Jururawat Hospital Rembau Salha Abd Samad di stesen keempat dan seterusnya diletak di bawah pemerhatian di stesen kelima.

Stesen pertama ialah untuk saringan gejala dan suhu diikuti stesen kedua untuk pendaftaran bagi mengesahkan kehadiran untuk suntikan vaksin Covid-19 dan stesen ketiga bagi proses konsultasi dan persetujuan imunisasi.

Turut menerima suntikan pertama vaksin Sinovac hari ini ialah 10 petugas barisan hadapan di Negeri Sembilan.



KHAIRY menerima suntikan dos vaksin Sinovac di Hospital Rembau, semalam.

Kuala Terengganu: Kluster Ladang Bukit yang menjadi kluster baharu kes Covid-19 di Terengganu berpunca daripada ketidakpatuhan kepada prosedur operasi standard (SOP) di tempat kerja, kata Pengarah Kesihatan negeri, Dr Nor Azimi Yunus.

Katanya, sejak kluster itu didaftarkan pada 12 Mac lalu, seramai 96 individu disahkan positif Covid-19 dan 1,023 kontak rapat berjaya dikesan melibatkan empat daerah iaitu Kemaman, Dungun, Marang dan Kuala Terengganu.

Menurutnya, kluster Ladang Bukit melibatkan jangkitan di tempat kerja di Ker-

Tak patuh SOP di tempat kerja cetus kluster baharu di Terengganu



Dr Nor Azimi Yunus

Sejak kluster itu didaftarkan pada 12 Mac lalu, seramai 96 individu disahkan positif Covid-19 dan 1,023 kontak rapat berjaya dikesan

lah dengan 49 daripada 161 pekerja dikesan positif Covid-19 secara serentak.

"Untuk kluster ini juga seramai lima orang murid dan seorang guru dari enam se-

kolah rendah turut dijangkiti," katanya menerusi kenyataan yang dimuat naik laman Facebooknya, semalam.

Beliau berkata, penularan wabak Covid-19 boleh dicegah dari awal sekiranya orang ramai mematuhi SOP di tempat kerja bagi mengelak kluster seperti Ladang Bukit.

Beliau turut mengingatkan orang ramai untuk mendaftar sebagai penerima vaksin secepat mungkin.

PKPD di Kampung Bintawa Hulu



PENDUDUK kampung mengambil bungkusan makanan ketika tinjauan di Kampung Bintawa Hulu, Kuching, kelmarin. Seramai 4,200 penduduk meliputi 750 kediaman di kampung tersebut dikenakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) selama 14 hari bermula kelmarin berikutan kes positif Covid-19 semakin meningkat.



an Presint 9, a jururawat alam.

Dijangkiti di acara makan malam

Kota Kinabalu: Sabah merekodkan satu kluster baharu Covid-19, semalam, berpunca daripada acara makan malam yang diadakan di sebuah restoran di Tawau.

Jurucakap perkembangan harian Covid-19 Sabah Datuk Masidi Manjun berkata, kluster baharu itu ialah Kluster Taman Ria Enam yang mencatat empat kes baharu semalam menjadikan jumlah kumulatif positif Covid-19 kluster itu sebanyak 17 kes.

"Kes indeks membabitkan

20
jumlah ahli keluarga yang menyertai acara makan malam

wanita berusia 46 tahun yang tidak bergejala, tetapi dikesan positif melalui saringan sebelum menjalani prosedur kemoterapi di sebuah pusat perubatan di Tawau.

"Hasil penelitian, kes indeks bersama ahli keluar-

ganya mengadakan acara makan malam yang disertai 20 orang di sebuah restoran pada 5 Mac lalu. Saringan kontak rapat masih giat dijalankan," katanya dalam satu kenyataan media, semalam.

Mengulas mengenai statistik vaksinasi di Sabah, Masidi berkata, seramai 3,168 orang menerima suntikan vaksin harian dos pertama menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 35,537 orang.

